

# Tiada diskriminasi terhadap wanita: PM

## Dasar kerajaan supaya mereka diperkasa dalam pembangunan

Oleh Fazli Abdullah

**K**EPALA BATAS: Kerajaan akan terus memperkasakan wanita selaras dengan sumbangan besar golongan itu kepada pembangunan negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, wanita tidak akan didiskriminasi dalam apa juga bidang termasuk perjawatan dalam sektor awam dan peluang mendapat pendidikan.

Ini, katanya, terbukti dengan pelbagai jawatan tinggi sekarang dipegang wanita termasuk ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah.

"Dasar kerajaan ialah supaya wanita diperkasakan dari diberi peluang melakukan yang terbaik kepada negara," katanya ketika merasmikan Karnival Nur Kecergasan 2006 Wanita Sihat dan Cergas Sepanjang Hayat di Kompleks Sukan Bertam di sini, semalam.

Seramai 1,300 wakil 13 kontinjen, iaitu masing-masing satu bagi setiap kawasan Parlimen di Pulau Pinang, mengambil bahagian pada karnival berkenaan. Perdana Menteri, turut merasmikan pertandingan bola jaring lelaki sempena karnival itu.

Antara lain, karnival, berkenaan membabitkan permainan badminton, bola keranjang, boling Kelapa, futsal dan acara trek.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri. Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah serta Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan. Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Datuk Jahara Hamid.

Perdana Menteri berkata, sebagai golongan yang mempunyai peranan besar, wanita perlu menjaga kesihatan supaya dapat berkhidmat dengan sempurna.

Abdullah berkata, ini boleh dilakukan dengan gaya hidup sihat, seperti melakukan aktiviti kesukanan, yang boleh member; kekuatan fizikal dan mental.